

Strategi Utusan Kerajaan dalam Menjalin Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu

Salmah Jan Noor Muhammad

salmahjan@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Hubungan diplomatik merupakan hubungan dua hala antara sebuah negara atau lebih dengan negara lain. Kelangsungan hubungan ini banyak bergantung kepada kemahiran berfikir ketua negara atau para diplomat (duta negara) merangka strategi terbaik bagi melindungi kerajaan negara dan rakyatnya. Justeru, dalam hal ini, seorang utusan sesebuah kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan membentuk suatu jalinan harmoni antara kerajaan serantau. Oleh itu, dalam kajian ini menggunakan pendekatan interaksi yang diperkenalkan oleh Paul Watzlawick untuk menghuraikan strategi diplomatik dan kaedah pelaksanaan strategi tersebut oleh utusan yang diutus, semasa berhadapan dengan pemerintah kerajaan lain untuk membantu kerajaan yang diwakilinya berjaya melangsungkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain. Kajian ini akan menggunakan naskhah *Hikayat Hang Tuah* sebagai bahan perbincangan utama.

Kata kunci strategi; diplomatik; utusan; kerajaan; naskhah

ABSTRACT

Diplomatic relations is the bilateral relations of a government with one or more governments. The perpetuation of this relationship is heavily dependent on the thinking skills of the leader of the country or diplomat (country's ambassador) in forming the best strategies to protect the government and its nations. Hence, in this matter, a country delegation must play an important role in emerging and forming a harmony relation between regional governments among regional governments. Therefore, this study used interaction approach introduced by Paul Watzlawick to explain diplomatic

strategy and the strategy implementation method by the delegation especially when facing other government to help the governments represented to successful perform diplomatic relationship with other government. Apart from that, this study also used the legend of Hang Tuah's manuscript as main discussion material.

Keywords strategy; diplomatic; delegation; government; manuscript

Pengenalan

Pada zaman kesultanan Melayu, utusan yang dihantar memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan membentuk suatu jalinan harmoni antara kerajaan serantau. Dengan sistem perhubungan yang terhad dan pergantungan seratus peratus tanggungjawab kepada utusan telah menyebabkan utusan sedaya upaya menterjemahkan niat rajanya bagi menjayakan misi diplomatik tersebut. Oleh itu, utusan yang dihantar itu perlulah seseorang yang berkredibiliti.

Utusan kerajaan diibaratkan seperti penyambung atau pencetus interaksi antara kerajaan. Justeru, hanya mereka yang berkelayakan sahaja akan dilantik menjadi utusan. Menurut Annabel Teh Gallop (1994: 104), kejayaan seseorang utusan yang mahir ialah perlu mengajukan secara halus kepentingan dan nama baik rajanya dan pada masa yang sama tidak menyinggung perasaan tuan rumahnya. Setiap butir katanya (utusan) sangat bermakna dan akan membawa kepada kejayaan ataupun kemusnahan hubungan diplomatik antara kerajaan.

Dalam sastera tradisional, terdapat beberapa karya ketatanegaraan yang membincangkan tugas dan peranan seseorang utusan. Antara naskhah yang dimaksudkan ialah naskhah terjemahan Arab/Parsi, iaitu *Siyar al-Muluk*, karangan Wazir Nidham al-Muluk dan *Nasihat al-Muluk* karya Imam al-Ghazali. Manakala naskhah tulisan Melayu yang dimaksudkan ialah *Taj al-Salatin* karya Bukhari al-Jauhari, dan *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri.

Pengarang naskhah *Taj al-Salatin* atau ‘Mahkota Raja-Raja,’ telah menggariskan beberapa sifat yang perlu ada pada seorang utusan, iaitu dalam fasal yang kedua belas;

Hendaklah pesuruh atau utusan itu ada baik rupanya dan manis katanya dan fasih lidahnya dan sahih ibaratnya dan sarih erti katanya dan hendaklah ia ada alim dan budiman dan arif dan bijaknya pada berkata-kata dan mengerti segala perkataan. Lagi hendaklah ia ada benar juga kerjanya dan sungguh katanya dan banyak bicaranya dan

kurang lobanya dan teguh agamanya dan suci pekertinya, kerana utusan itu ganti mata telinga dan lidah rajanya itu.

(Khalid, 1992:133)

Sementara itu, Nuruddin al-Raniri pada bab yang ke III, fasal ke-5 dalam *Bustan al-Salatin* atau ‘Taman Raja-Raja’ telah mencatatkan 10 sifat seorang utusan seperti contoh petikan di bawah;

Kata hukama, bahawa syarat utusan itu sepuluh syarat. Syarat yang pertama, hendaklah ia takut akan Allah Taala lagi teguh agamanya. Syarat yang kedua, hendaklah ia ada pengetahuan. Syarat yang ketiga, hendaklah ia elok parasnya. [Syarat yang keempat, hendaklah ada ia kepercayaan dan jangan ia berbuat khianat akan rajanya kerana hawa nafsunya.] ...Syarat yang kelima, hendaklah utusan itu fasih lidahnya dan baik suaranya, syarat yang keenam hendaklah ada ia bijaksana... Syarat yang ketujuh, hendak ada wazir itu utusan berani pada barang melakukan pekerjaan rajanya. Syarat yang kedua lapan, hendaklah ia baik kelakuannya lagi aqil... Syarat yang kesembilan, hendaklah utusan itu murah lagi bangsawan. Syarat yang kesepuluh, hendaklah ia jangan sangat tamak, jika sangat tamak ia, nescaya aiblah nama rajanya.

(Jelani Harun, 2009:275-79)

Bersesuaian dengan genre karya di atas sebagai sastera ketatanegaraan, ciri utusan yang dibincangkan oleh pengarang tersebut sebagai rujukan kepada raja dalam memilih utusan terbaik bagi mewakili kerajaannya. Dalam pada itu, tulisan Nuruddin al-Raniri telah menyenaraikan ciri utusan yang lebih jelas berbanding dengan pengarang yang lain. Beliau menyatakan 10 sifat yang perlu ada pada seorang utusan antaranya; mempunyai keteguhan agama, berintelektualan, berakhhlak mulia, petah berkata-kata, paras wajah yang menarik, berjiwa kental dan berkorban apa sahaja demi melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh rajanya.

Penekanan terhadap ciri utusan yang dibuat oleh Nuruddin al-Raniri pada fasal tersebut adalah untuk memberi nasihat kepada golongan raja bahawa pemilihan dan penghantaran utusan perlu dilakukan secara terinci seperti dengan mengenal pasti rakyatnya yang memenuhi kriteria disebutkan sebelum ini serta mendapatkan pandangan para pembesar tentang ketepatan pemilihan tersebut.

Ketepatan dalam pemilihan utusan sebagai pemangkin hubungan diplomatik kerajaan akan dapat membantu raja menyampaikan hajatnya dengan betul, di samping dapat memperkembangkan serta memperkuatkan jalinan hubungan diplomatik kerajaannya dengan kerajaan lain. Memperkuatkan jalinan hubungan diplomatik kerajaan yang dimaksudkan dalam artikel ini ialah melalui perhubungan persaudaraan, mengeratkan hubungan dua hala menerusi perkahwinan, perdagangan dan sebagainya. Sementara itu, pemilihan utusan yang salah dan pelantikan utusan secara terburu-buru akan membawa aib kepada nama baik raja dan kerajaan. Justeru, dengan adanya garis panduan tentang pemilihan seorang utusan kerajaan seperti yang dibicarakan oleh Nuruddin al-Raniri akan memudahkan raja memilih utusan yang benar-benar layak untuk dihantar berurusan dengan kerajaan serantau. Menurut Jelani Harun (2003:182), bahagian tentang utusan dipaparkan dalam naskhah ini adalah sebagai menunjukkan kepada raja, peri pentingnya memilih utusan yang sesuai, amanah, dan bertanggungjawab sebagai duta yang akan memuliakan nama raja dan negara.

Lunjuran daripada itu, raja akan memilih seorang utusan yang benar-benar dapat melaksanakan misi diplomatik yang dirancang dengan memilih calon yang mempunyai kualiti keperibadian seperti yang dibincangkan di atas. Hal ini kerana, setiap misi tersebut membawa makna yang penting kepada seorang raja dalam menjamin ketahanan politik kerajaannya selain dapat mengukuhkan kuasanya. Dalam naskhah tradisional Melayu, kebanyakan pengarang Melayu seperti pengarang *HHT* dan pengarang (Tun Seri Lanang) *Sulalat al-Salatin* menceritakan peristiwa tentang kejayaan dan kehebatan utusan Melayu yang dihantar ke luar negeri. Salah satu punca kepada kejayaan tersebut disebabkan oleh pemilihan dan penghantaran utusan yang tepat oleh golongan berkuasa (sultan).

Persoalan Kajian

Menurut Mohd Jamil Mukmin (2011:71), tujuan utama sesebuah kerajaan menjalankan hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar adalah untuk mengelakkan ancaman musuh yang mengganggu urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan. Setiap kerajaan sama ada dalam zaman praislam dan zaman Islam sangat mementingkan hubungan diplomatik untuk memantapkan pemerintahan dan pentadbiran. Oleh itu, antara faktor pencetus

kepada wujudnya sesebuah hubungan itu adalah atas faktor ekonomi, perkahwinan, politik dan juga agama. Hal ini kerana, apabila sesebuah kerajaan atau dua buah kerajaan telah menetapkan misi dan visinya untuk berhubungan diplomatik, maka faktor-faktor inilah yang akan menjadi penentu. Selain itu, Mohd Jamil Mukmin juga menyatakan bahawa kejayaan hubungan diplomatik juga bergantung kepada utusan sesebuah kerajaan. Utusan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk merealisasikan niat dan impian rajanya agar amanah yang diberikan tersebut dapat dijayakan. Oleh itu, penulis ingin merungkai persoalan-persoalan mengenai utusan kerajaan Melayu seperti berikut;

1. Apakah strategi yang digunakan oleh utusan Melayu sebagai pengantara kerajaan dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain?
2. Sejauhmanakah kaedah strategi diplomatik yang diaplikasikan oleh utusan Melayu memberi impak signifikan kepada pentadbiran dan pemerintahan kesultanan Melayu?

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk strategi yang digunakan oleh utusan Melayu dalam menjalinkan hubungan diplomatik antara kerajaan berdasarkan naskhah *Hikayat Hang Tuah* (*HHT*). Selain itu, kajian ini turut menghuraikan cara pelaksanaan strategi yang digunakan oleh utusan Melayu (*Hang Tuah*) semasa berada di dalam kerajaan lain.

Sorotan Literatur

Naskhah *HHT* merupakan sebuah naskhah yang dapat menceritakan tentang kegemilangan Melaka. *HHT* memberi nafas baharu dalam menghidupkan semula kebesaran kerajaan bangsa Melayu yang pernah agung suatu ketika dahulu sebelum dimusnahkan oleh pihak kolonial Barat. *HHT* diciptakan bagi memenuhi keperluan zaman yang penuh gelora dengan segala cabaran. Semangat kebangsaan dan keperwiraan bangsa Melayu perlu dibangkitkan semula demi menghadapi bahaya daripada dijajah oleh orang Barat (Liang Li Ji, 1994:12).

Sementara itu, Lokman Abdul Samad (2001:99) antara penulis

yang telah mengkaji naskhah *HHT* mengatakan bahawa kebijaksanaan, kepahlawanan, peribadi, dan akhlak yang dimiliki oleh Hang Tuah telah menempatkan dirinya sebagai seorang manusia Melayu yang bertaraf dunia dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Tambahnya lagi, keunggulan Hang Tuah bukan setakat hebat di medan perang tetapi menyerlah sebagai seorang yang bijak dan fasih dalam berkomunikasi semasa membuat hubungan diplomatik. Dalam prinsip kerajaan Melayu, kemuliaan dan ketinggian martabat sesebuah negara banyak bergantung kepada komitmen dan kejayaan mengatur tugas diplomatik. Justeru, cita-cita dan harapan membentuk kerajaan yang berpengaruh banyak bergantung kepada Hang Tuah.

Seterusnya, Hassan Ahmad (2005:148) dalam tulisannya yang berjudul *Minda Melayu dalam Kesusastraan Melayu Tradisional* membincangkan pandangan atau konsep atau nilai Melayu tentang konsep wira budaya Melayu dengan menggunakan *HHT* sebagai rujukan. Menurut beliau, salah satu bukti kreativiti dan kebijaksanaan minda Melayu dalam kesusastraan Melayu tradisional dapat dilihat berdasarkan ‘mitos’ Hang Tuah yang diciptakan oleh pengarang *HHT* tentang sifat yang perlu ada pada hulubalang Melayu. Sifat tersebut ialah beradat, berilmu, dan taat kepada raja.

Manakala, Hussin bin Sarif (2010:56) yang mengkaji tentang keimplisan ujaran dalam *HHT* berpendapat bahawa ujaran yang mempunyai makna implisit menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu untuk disampaikan kepada pendengar. Selain itu, watak dalam *HHT* memanipulasikan penggunaan dalam bentuk perkataan dan frasa, peribahasa, dan metafora tertentu untuk menyampaikan mesej serta mempunyai niat atau tujuan untuk memberitahu, menyampaikan maklumat, menyindir, dan melahirkan perasaan.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis strategi yang diaplikasikan oleh utusan kerajaan dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain berdasarkan naskhah sastera Melayu tradisional terpilih, iaitu *Hikayat Hang Tuah*. *HHT* yang dikaji dan diperkenalkan oleh Kassim Ahmad pada tahun 1997 dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sumber primer dalam perbincangan kajian ini.

Seterusnya, empat tahap dirancangkan dalam usaha untuk mengetengahkan kajian ini. Tahap tersebut ialah tahap memilih data,

pengumpulan data, penganalisisan data, dan rumusan. Pada tahap memilih data, perkara yang dititikberatkan ialah pemilihan naskhah yang berkaitan dengan penghantaran utusan Melayu dan hubungan diplomatik. Tahap ini penting, bagi mendapatkan gambaran dan memperoleh idea keseluruhan perbincangan pengarang dalam naskhah serta memilih naskhah yang bertepatan dengan konteks kajian. Selanjutnya, pada tahap pengumpulan data, akan dilakukan penelitian terhadap naskhah pilihan yang bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dikenal pasti. Setiap pembacaan terhadap kandungan naskhah akan diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Sementara itu, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap kedua dan digunakan sebagai bahan perbincangan bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya membincangkan dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan akan dilakukan untuk menghuraikan strategi utusan Melayu dalam menjalankan hubungan diplomatik antara kerajaan.

Sehubungan itu, pendekatan interaksi (*Interactional View*) yang diperkenalkan oleh Paul Watzlawick (1967) diaplikasikan untuk meneliti topik perbincangan. Pendekatan interaksi digunakan untuk memahami proses membentuk dan mengekalkan hubungan interpersonal. Pendekatan ini merupakan salah satu teori yang terdapat dalam Teori Komunikasi Interpersonal yang melihat interaksi sosial sebagai pola tidak berfungsi (*dysfunctional*) dalam keluarga bagi menentukan sama ada komunikasi dalam keluarga itu sihat ataupun tidak. Griffin (1997) membuat ulasan lanjut tentang konsep keluarga sebagai sistem yang diutarakan oleh Watzlawick. Konsep sistem bermaksud sesuatu yang mempunyai bahagian dan setiap bahagian ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam pendekatan interaksi terdapat komponen penting yang ditekankan, iaitu;

- a. Komunikasi berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.
- b. Manusia berkomunikasi secara digital dan analogik. Komunikasi analogik memberi gambaran sesuatu dengan persamaan, manakala komunikasi digital merujuk kepada benda dengan nama. Komunikasi bukan verbal ialah analogik, manakala komunikasi verbal ialah digital.
- c. Komunikasi mengandungi isi (kandungan) dan hubungan. Menurut Watzlawick setiap komunikasi mengandungi kandungan dan hubungan di mana hubungan menerangkan

kandungan atau apa yang disebut *metacommunication*. Metakomunikasi merujuk kepada aspek hubungan dalam interaksi. Dalam komunikasi lisan, biasanya metakomunikasi ialah nada suara, penekanan terhadap perkataan apabila bercakap, air muka, pergerakan badan yang memberi makna kepada orang lain.

- d. Kandungan ialah isi mesej manakala hubungan ialah bagaimana mesej tersebut disampaikan. Keadaan hubungan bergantung kepada bagaimana setiap pihak menandakan rangkaian komunikasi mereka. Setiap pihak menjadi rangkaian komunikasi berdasarkan kepada kemampuan mereka sendiri.
- e. Semua komunikasi ialah komplementari (saling melengkapi).

Dalam kajian ini, pendekatan interaksi dapat ditonjolkan melalui watak Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hang Tuah menggunakan keupayaan interaksi serta daya fikirnya untuk mengikat pemerintah sesebuah kerajaan bagi menerima ‘salam diplomatik’ daripada kerajaan Melaka. Hang Tuah menyampaikan informasi tepat tentang matlamat yang ingin dicapai bersama oleh sultan Melaka kepada raja di Benua Keling, China, Majapahit, dan Siam. Selain itu, daya pengawalan terhadap persekitaran sosial dan budaya serta perilaku dan gaya kesopanan yang ditunjukkan oleh Hang Tuah semasa berada di dalam kerajaan tersebut di samping penguasaan bahasa asing kerajaan tersebut telah melancarkan serta melangsungkan hubungan komunikasi dua hala dan interpersonal antara Hang Tuah, selaku wakil kerajaan Melaka dengan pemerintah kerajaan tersebut. Kesemua aspek perbincangan ini adalah bertepatan dengan komponen-komponen (a) hingga (e) di atas dalam pendekatan interaksi yang diperkenalkan oleh Paul Watzlawick. Justeru, pemilihan pendekatan ini untuk menganalisis data kajian adalah sesuai.

Utusan Melayu dalam Hubungan Diplomatik antara Kerajaan

Utusan yang seringkali dihantar untuk melaksanakan misi diplomatik pada zaman kesultanan Melayu ialah Seri Bija Pikrama, Tun Sura Diraja, Tun Bija Sura, Menteri Jana Putera, Tun Telanai, Hang Nadim, dan Hang Tuah. Namun perbincangan ini akan menumpukan watak Hang Tuah daripada naskhah *HHT* sebagai contoh utama dalam

menghuraikan topik ini. Sebagai model tingkah laku seorang yang sempurna seperti yang digambarkan dalam *HHT*, Hang Tuah jarang sekali menghampakan rajanya dalam menjalankan misi diplomatik yang diamanahkan kepadanya. Keyakinan, kepintaran, dan sentiasa bersiap sedia dalam apa juga situasi yang akan berlaku telah melayakkan beliau dipilih menjadi utusan utama kerajaan Melayu.

Pemilihan Hang Tuah pada zaman kesultanan Melayu sebagai utusan kerajaan Melaka mendapat reaksi positif daripada ahli akademik sastera Melayu. Kebanyakan mereka bersetuju bahawa Hang Tuah layak dilantik menjadi utusan diraja atas sebab keistimewaan yang ada pada Hang Tuah. Misalnya, Noriah Mohamad (1997: xxxvi) menyatakan bahawa Hang Tuah ialah seorang intelektual Melayu. Dia menguasai ilmu agama, ilmu dunia, ilmu praktik, ilmu batin, ilmu diplomasi, ilmu budaya, dan ilmu adat. Sementara itu, Hassan Ahmad (2005:149) yang menggelar Hang Tuah sebagai wira budaya Melayu berpendapat bahawa Hang Tuah ialah seorang yang beradat, berilmu, dan taat kepada raja, dan negaranya. Manakala Lokman Abdul Samad (2001:103) turut sependapat dengan Noriah Mohamad dan Hassan Ahmad. Beliau menyatakan bahawa Hang Tuah di samping memiliki sifat taat dan patuh kepada raja, dia juga mempunyai sifat kepahlawanan dan sanggup berkorban demi bangsa dan agamanya.

Dengan pandangan yang diberikan oleh ahli ilmuwan di atas, tidak bersalah lagi, sekiranya Hang Tuah seringkali menjadi calon utama pilihan raja ataupun bendahara untuk dihantar sebagai utusan ke luar negeri dalam melaksanakan pelbagai misi kerajaan Melaka. Contohnya:

Petikan pertama;

Maka titah baginda, “Hai mamak bendahara, siapa baik kita suruhkan ke Benua Keling itu?” Maka sembah bendahara, “Pada bicara patik, siapatah lain daripada Laksamana, kerana Laksamana tahu akan bahasa Keling, tambah tahu perintah segala raja-raja”.

(Kassim Ahmad, 1997:381)

Dalam pada itu, kelancaran dan kejayaan hubungan diplomatik Hang Tuah itu turut dibantu oleh latar belakang raja Melaka. Misalnya Ding Choo Ming dalam artikelnya ‘*Kuasa dalam Sastera Melayu*

Lama' (2009:3) menyatakan tanpa raja dengan kuasanya, kerajaannya dan sifat lain sultan itu (pemerintah), Hang Tuah sukar memainkan peranannya sebagai duta kerajaan. Oleh itu, dengan adanya gabungan antara dua golongan tersebut, sudah pasti urusan diplomatik dapat berjalan dengan lancar.

Kejayaan demi kejayaan telahpun dibuktikan oleh Hang Tuah khususnya dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan luar. Antaranya, Melaka telah berjaya mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Benua Keling, Siam, Majapahit dan China. Menurut Jamil Mukmin (2011:118), kejayaan ini telah menyebabkan pengaruh Melaka semakin meluas dan menyebabkan Melaka menjadi sebuah empayar yang unggul dan terkenal di Timur dan Barat pada abad yang ke-15 dan awal abad ke-16. Namun persoalannya, apakah strategi yang digunakan oleh Hang Tuah sehingga kerajaan tersebut bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Melaka dan telah membawa nama raja dan kerajaan Melaka terkenal di seluruh dunia?

Strategi Diplomatik Utusan Kerajaan

Bertitik tolak daripada persoalan di atas, beberapa strategi diplomatik yang digunakan oleh Hang Tuah sebagai utusan yang bertanggungjawab mengembangkan hubungan diplomatik kerajaan Melaka akan dibincangkan. Dalam hal ini, kajian ini akan meneliti strategi yang digunakan oleh Hang Tuah semasa beliau diutus ke Benua Keling dan Benua Siam berdasarkan naskhah *HHT*. Antara strategi tersebut ialah;

- a. menambat hati pemerintah kerajaan;
- b. mewujudkan hubungan sosial yang baik; dan
- c. memberikan jawapan berhelah.

Menambat Hati Pemerintah Kerajaan

Menambat hati seorang raja bukanlah suatu perkara yang mudah kalau tidak kena dengan cara dan gayanya. Ia memerlukan pelbagai usaha, perancangan yang teliti dan tindakan yang betul kerana raja ialah ketua tumpuk pemerintahan dan simbol kerajaan serta 'bayangan Tuhan di

muka bumi atau *Zillullah fil alam* ataupun *Zilullah fil ardh*.⁷

Dalam konteks strategi hubungan diplomatik antara kerajaan Melaka dengan kerajaan Benua Keling yang bertujuan merapatkan lagi silaturrahim antara dua buah kerajaan ini, Hang Tuah telah menggunakan pelbagai cara untuk menambat hati Kisna Rayan, iaitu raja Benua Keling. Antaranya, dengan menjinakkan kuda tezi yang kelakuannya seperti singa ganas. Kisna Rayan cuba menguji kekuatan fizikal dan kebijaksanaan Hang Tuah dengan meminta beliau menunggang dan mengendalikan kuda tezi yang dipersembahkan oleh raja taklukannya. Permintaan tersebut dilihat sebagai satu cubaan bunuh terhadap Hang Tuah oleh rakyat benua Keling. Buktinya;

Maka di dalam hati Nala Sang Guna dan segala orang yang melihat kelakuan kuda itu, ‘Adapun Laksamana ini hendak dibunuh oleh raja juga. Adakah kuda yang seperti harimau itu disuruh naik kepadanya’?

(Kassim Ahmad, 1997:396)

Namun, Hang Tuah menerima cabaran tersebut dengan hati yang terbuka. Beliau yakin akan dapat menjinakkan kuda liar itu berdasarkan pengalamannya berguru dengan penggembala kuda (Kassim Ahmad, 1997:397). Oleh itu, Hang Tuah telah mengambil beberapa langkah dengan;

... menundukkan kepalanya dilindungkan di balik telinga kuda itu. Hatta dua tiga kali dipecutnya berkeliling pada balairung itu, maka oleh Laksamana ditariknya talikekang; kuda itupun terdiri. Maka Laksamana pun segera terjun di atas kuda itu lalu sujud di bumi.

(Kassim Ahmad, 1997:397)

Kejayaan tugas yang diberikan kepada pahlawan Melaka itu telah menimbulkan rasa kagum di hati Kisna Rayan dan baginda menyedari bahawa Hang Tuah merupakan seorang yang bijak, berani, tangkas dan pantang dicabar. Rasa kekaguman baginda itu dapat dizahirkan menerusi petikan di bawah:

Maka titah Kisna Rayan, “Hai Laksamana, sungguhlah engkau

hulubalang besar maka engkau dapat naik kuda ini; kerana dalam hulubalangku yang banyak berpuluh-puluh keti ini, seorang pun tiada bercakap menaiki dia.” Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku Syah Alam, dalam itu pun dengan daulat Syah Alam maka dapat patik naik kuda ini”

(Kassim Ahmad, 1997: 397)

Berdasarkan peristiwa di atas, Hang Tuah telah menimbulkan rasa yakin kepada Kisna Rayan bahawa hubungan diplomatik antara kedua-dua pihak bukan sahaja bermotifkan kepada mengeratkan tali persaudaraan semata, namun Melaka mampu menjadi pelindung kepada Benua Keling sekiranya musuh ingin mencabul kedaulatannya. Oleh itu, Kisna Rayan tidak teragak-agak membuat keputusan untuk menerima hubungan diplomatik tersebut.

Kisna Rayan atau setiap sultan yang ditemui oleh Hang Tuah, sudah tentu akan tertarik dengan kesopanan dan kesantunan, adab tertib dan adatnya Hang Tuah (Zainal Abidin Borhan, 2010: 75). Oleh itu, tanpa berlengah lagi, baginda telah memberikan satu tugas besar kepada Hang Tuah, iaitu menguruskan hubungan diplomatik kerajaannya dengan kerajaan China. Pada firasat Kisna Rayan, Hang Tuah seorang yang berkelayakan menjadi duta kerajaannya dan seterusnya dapat melaksanakan misi diplomatik kerajaannya. Perkara tersebut digambarkan melalui petikan di bawah;

Maka titah baginda kepada bendahara Mangkubumi, “Apa bicara kita hendak mengutus ke Benua China? Siapa yang patut pada Bendahara?” Maka sembah Bendahara, “Siapa lain daripada Laksamana, kerana Laksamana itu tahu akan perintah segala raja-raja yang besar-besar; tambahan ia orang bijaksana.” Maka titah Kisna Rayan, pada bicara kita pun demikian, kerana raja Benua China itu raja besar. Kita lihat Laksamanalah yang dapat kita titahkan ke Benua China itu.” Maka raja pun sebagai memandang Laksamana, kerana baginda sangat berkenan akan Laksamana.

(Kassim Ahmad, 1997: 402)

Pelantikan Hang Tuah sebagai duta kerajaan Benua Keling merupakan satu penghormatan dan kepercayaan yang tinggi kepada Hang Tuah untuk menjalankan tugas yang begitu besar, iaitu

berhadapan dengan kerajaan China. Kerajaan China merupakan kerajaan yang sangat berpengaruh. Menurut Liang Liji (1996:47), negara China merupakan ‘negara atasan’. Setiap kerajaan yang ingin mengadakan hubungan rasmi dengannya, perlu mengakui kedaulatannya dan bersedia mempersembahkan ufti kepada kerajaan tersebut. Keadaan ini menunjukkan secara tidak langsung bahawa Benua Keling telah mengiktiraf negeri Melaka sebagai sebuah kerajaan yang setaraf dengan kerajaan China.

Ahmad Samin Siregar (2010:108) menyatakan bahawa tanpa kewibawaan yang ada pada diri Hang Tuah, sukar rasanya Hang Tuah yang asal-usulnya ialah hamba, mendapat suatu penghormatan yang begitu besar, baik daripada raja Melaka mahupun daripada berbagai raja luar negeri. Namun demikian, Hang Tuah telah membuktikan bahawa beliau bukan seorang hamba sembarangan, beliau ialah ‘hamba paling tinggi darjatnya daripada segala hamba dan pegawai istana’. Pelantikannya sebagai duta negara asing seperti Benua Keling telah membuktikan kenyataan tersebut.

Strategi menambat hati pemerintah kerajaan merupakan strategi berkesan dalam menjalinkan sesebuah hubungan diplomatik antara kerajaan. Hang Tuah telah membuktikan bahawa dengan menambat hati pemerintah kerajaan, hubungan diplomatik akan berjalan dengan lancar, namun ia perlu diiringi dengan kualiti keperibadian di samping usaha yang gigih. Hasilnya, Hang Tuah telah berjaya mengeratkan kembali hubungan persaudaraan antara Melaka dengan Benua Keling malahan kejayaan berterusan beliau ialah apabila dilantik menjadi duta kepada negara asing (Benua Keling) bagi membuka hubungan baru dengan kerajaan China. Hal ini sekaligus mengiktiraf kredibiliti seorang utusan Melayu di mata kerajaan asing.

Mewujudkan Hubungan Sosial Yang Baik

Mewujudkan hubungan sosial yang baik merupakan strategi kedua yang telah dilakukan oleh Hang Tuah semasa beliau berada di keduadua buah kerajaan. Berikut merupakan strategi yang dimaksudkan iaitu;

1. menguasai bahasa asing; dan
2. menggunakan gelaran tanda hormat kepada pemerintah kerajaan.

Menguasai Bahasa Asing

Kualiti keperibadian Hang Tuah telah membantunya mencapai kejayaan dalam hubungan diplomatik. Namun demikian, perlu diketahui, bahawa terjalannya sesuatu hubungan diplomatik itu bukan sahaja bersandarkan kepada kualiti keperibadian seorang utusan semata-mata, ia perlu seiring dengan kebijaksanaan serta kemahiran dalam menguasai pelbagai ilmu pengetahuan.

Hang Tuah sebagai seorang muslim merasakan bahawa tanpa ilmu, jiwa raganya berasa kosong dan dirinya berada dalam kejahanilan. Oleh itu, beliau pergi berguru kepada ramai guru daripada pelbagai bangsa untuk mencapai kesempurnaan diri dalam menimba ilmu dunia dan akhirat. Bukti melalui petikan di bawah;

... Telah berapa lamanya Hang Tuah mengaji Quran, maka pengajian itu pun tamatlah. Maka Hang Tuah mengaji nahu pula. Telah sudah tamat pengajiannya, maka ia berkata kepada bapanya, "Ayo bapaku, pada bicara hamba hendak mengaji pada lebai Keling pula, supaya hamba tahu pula bahasanya." Maka kata Hang Mahmud, "Benarlah seperti bicara anakku itu." Maka Hang Tuah pun mengajilah pula pada seorang lebai Keling. Hatta, berapa lamanya, maka tamatlah dengan bahasa Keling itu, habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata pada bapanya hendak mengaji lebai Siam pula supaya diketahuilah akan bahasanya. Setelah sudah diketahuinya akan Siam itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada lebai Jawa hendak diketahuinya akan bahasa Jawa itu. Kalakian, setelah habislah rata diketahuinya dua belas bahasa itu, maka Hang Tuah pun pulanglah ke rumahnya bersama-sama dengan ibu bapanya mencari makan sehari-hari.

(Kassim Ahmad, 1997 : 24)

Pencarian ilmu oleh Hang Tuah menurut Noriah Mohamed (2010:81) membuktikan bahawa pahlawan Melayu tersebut sentiasa dahagakan ilmu. Selain ilmu al-Quran, ilmu nahu, dan ilmu bahasa, Hang Tuah juga belajar berbagai-bagai ilmu isyarat hulubalang, firasat, dan ilmu perajurit dengan Aria Putera (Kassim Ahmad, 1997:31) dan Sang Persata Nala di Gunung Wirana Pura (Kassim Ahmad, 1997:162). Sehubungan itu, dalam menjalankan hubungan sosial yang baik, Hang Tuah mengetahui bahawa dengan menguasai pelbagai

ilmu khususnya ilmu bahasa antarabangsa seperti yang dipelajarinya sebelum ini akan dapat membantu mempermudahkan urusan diplomatik kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan di sekitarnya. Hal tersebut dilakukannya sebagai persiapan awal untuk bergaul dengan masyarakat sama ada di dalam atau di luar lingkungannya. Antara bahasa yang dikuasai oleh Hang Tuah ialah bahasa Nagaram (bahasa Keling), bahasa Siam, Cina, Jawa, Mesir, Arab, dan Rom atau Turki. Menurut Hassan Ahmad (2009:149), dengan mengetahui banyak bahasa, membolehkan wira budaya Melayu ini (Hang Tuah) menjadi diplomat Melayu yang berjaya dan berkesan di luar negeri. Sementara itu, Lokman Abdul Samad (2001:75) berpendapat bahawa pengetahuan yang mantap dalam menguasai bahasa asing memberikan keyakinan diri kepada Hang Tuah khususnya apabila berurus dengan negara luar. Tambah beliau lagi, pemaparan pengetahuan Hang Tuah terhadap bahasa asing ini menjadikan beliau seorang diplomat yang disegani dan dikagumi. Ternyata dengan keistimewaan ini, musuh beliau tidak dapat mempermaintannya. Hal ini terbukti apabila beliau dihantar menjadi utusan ke Benua Keling.

Ketika Hang Tuah di Benua Keling, beliau dan Maharaja Setia (Hang Kasturi) disambut baik oleh Orang Kaya Syahbandar dan Nala Sang Guna. Setelah beberapa hari tinggal di Nagapatam, maka Nala Sang Guna telah membawa Hang Tuah dan rombongannya mengadap raja Kisna Rayan di Bijaya Nagaram untuk menyatakan tujuan rombongan itu datang ke Benua Keling. Sebaik sahaja rombongan itu tiba di istana raja, Kisna Rayan memanggil mereka dan bertitah seperti petikan di bawah ini;

Maka Nala Sang Guna pun memandang kepada Laksamana, Laksamana pun berdatang sembah dengan bahasa Bijaya Nagaram, "Daulat Tuanku Syah Alam, patik ini hamba yang hina ke bawah Duli Kisna Rayan, Laksamana, dan patik ini Maharaja Setia, hamba ke bawah Duli Kisna Rayan." Mendengar sembah Laksamana dalam bahasa Nagaram itu, maka Kisna Rayan dan bendahara mangkabumi dan segala raja-raja dan menteri yang mengadap itu pun hairan tercengang-cengang, kerana melihat Laksamana tahu bahasa Nagaram itu, kerana segala raja-raja dan menteri yang banyak itu berpilih yang tahu akan bahasa Nagaram itu. Maka Kisna Rayan pun gemar melihat laku Laksamana berkata-kata itu dengan bahasa Keling itu fasih lidahnya dan manis mukanya dan dengan merdu suaranya, patut ia berkata-kata itu.

(Kassim Ahmad, 1997: 392-93)

Kefasihan Hang Tuah berbahasa Nagaram, begitu mengejutkan dan memukau raja, pembesar serta menteri Benua Keling. Mereka tidak menyangka bahawa seorang Melayu yang berbahasa Melayu dapat menguasai bahasa mereka dengan mudah. Selain itu juga, bahasa yang diucapkan oleh Hang Tuah tersebut hanya boleh dikuasai oleh golongan raja dan bangsawan terpilih. Hal tersebut menimbulkan rasa kekaguman pihak istana Benua Keling terhadap Hang Tuah.

Selesai sahaja mendengar Hang Tuah berbicara, Kisna Rayan pun memuji Hang Tuah;

Setelah Kisna Rayan menegar sembah Laksamana demikian itu, maka titah baginda, “Hai Laksamana, terlalu sekali engkau berbahagia dan bertuah, maka engkau beroleh mengadap aku dan berkata-kata dengan aku dan berhadapan dengan aku. Pada hatiku, jika raja Melaka sekalipun datang mengadap aku, sekianlah pertemuan aku dengan dia”.

(Kassim Ahmad, 1997: 393)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat dua pernyataan yang penting untuk ditekankan di sini, iaitu; pertama, ‘hanya orang yang tertentu sahaja yang boleh mengadap Raja Kisna Rayan.’ Dengan kebolehan yang ada pada Hang Tuah itu, akhirnya beliau berjaya menembusi jurang tersebut. Perkara ini membuktikan bahawa dengan ilmu bahasa asing yang dipelajari oleh Hang Tuah telah berjaya merapatkan jurang perbezaan di antara seorang hamba raja Melaka dengan kerabat diraja Benua Keling. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan pendapat yang diutarakan oleh Abu Hassan Sham (1980:31) bahawa berkat pengajian Hang Tuah yang diterimanya sejak kecil lagi telah membantunya mengecapi kejayaan tersebut.

Pernyataan yang kedua ialah ‘hubungan diplomatik tersebut tidak akan terjalin, sekiranya raja Melaka yang datang bertemu dengan Kisna Rayan’. Hal ini ada kaitannya dengan peristiwa raja Melaka yang menjatuhkan hukuman tanpa asal-usul periksa ke atas Kisna Rayan semasa baginda menjadi raja muda Melaka dahulu. Perkara ini seperti dinyatakan melalui petikan di bawah:

...maka titah raja, “Sungguhkah saudara kita hendak muafakat dengan kita maka Laksamana dan Maharaja Setia disuruhnya mengadap kita? Tatkala kita di Melaka, tiada muafakat dengan kita, melainkan bendahara dan si pengail juga muafakat dengan kita...”.

(Kassim Ahmad, 1997: 393)

Oleh demikian, ia akan mewujudkan rasa tidak puas hati antara mereka dan kedua-dua pihak akan menunding jari masing-masing untuk menegakkan kebenaran sambil membangkitkan kisah lama antara mereka berdua. Lantas, niat baik Melaka sebelum ini, iaitu ingin berbaik-baik dengan Benua Keling akan bertukar menjadi permusuhan. Namun perasaan dukacita itu telah terpadam dari lubuk hati Raja Kisna Rayan sebaik sahaja melihat Hang Tuah. Hang Tuah ibarat penawar luka di hatinya. Lihat sahaja contoh petikan di bawah ini apabila Kisna Rayan melahirkan perasaannya terhadap Hang Tuah:

... “Maka adalah kita lihat Laksamana datang ini seperti ayahanda di Bukit Seguntanglah dan kakanda di Melaka, pada rasa hati kita, dan kita melihat Laksamana dan Maharaja Setia ini umpama kita melihat Bendahara Paduka Rajalah dan si pengaillah, pada rasanya dengan kita.

(Kassim Ahmad, 1997: 393)

Perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan, yang mana untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan orang yang pernah dihukum oleh raja kepada kerajaan yang diwakili oleh Hang Tuah ialah sesuatu yang bersifat mustahil. Namun berkat kebijaksanaan Hang Tuah mengambil hati dengan mendalami bahasa kerajaan berkenaan, telah berjaya membuka pintu hati Kisna Rayan untuk memberi ruang diplomatik kepada Melaka walaupun sebelum ini hubungan antara kedua-dua kerajaan tersebut dingin. Strategi ini bukan sahaja digunakan di Benua Keling, malahan di Benua Siam (Kassim Ahmad, 1997:437), dan juga di Jeddah (Kassim Ahmad, 1997:495).

Menggunakan Gelaran Tanda Hormat Kepada Pemerintah Kerajaan

Gelaran tanda hormat yang diberikan kepada seorang pemerintah kerajaan merupakan bentuk kata sapaan secara rasmi yang digunakan oleh rakyat atau pembesar untuk berkomunikasi dengan golongan tersebut. Awang Sariyan (2007:36) menyatakan bahawa kata sapaan bermaksud kaedah yang digunakan oleh sesebuah masyarakat atau bangsa untuk menegur atau menyapa seseorang, baik dalam konteks yang rasmi mahupun yang tidak rasmi. Bentuk sapaan menjadi unsur wacana yang penting dalam pelbagai komunikasi manusia dan perlu digunakan dengan tepat menurut sistem yang diterima oleh masyarakat atau oleh pihak yang diberi wibawa menentukannya. Sehubungan itu, para diplomat atau utusan Melayu yang dihantar ke luar kerajaan seperti Hang Tuah, Tun Perpatih Putih dan Seri Bija Pikrama menggunakan gelaran tanda hormat kepada pemerintah kerajaan tersebut. Selain bertujuan menarik perhatian pemerintah berkenaan untuk menjalinkan hubungan diplomatik, gelaran tanda hormat kepada pemerintah kerajaan tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu mempunyai keperibadian sosial yang baik seperti beradab dan berbudi.

Pada kesinambungan itu, diperturunkan beberapa contoh petikan penggunaan gelaran tanda hormat yang digunakan oleh para diplomat Melayu sebagai strategi menjalin hubungan diplomatik.

Contoh 1: Gelaran Tanda hormat yang diberikan oleh Hang Tuah kepada Kisna Rayan

Maka Laksamana pun menyembah lalu duduk. Maka titah Kisna Rayan, “Lain daripada Laksamana tiada kita bawa masuk ke dalam taman kita bermain dengan permaisuri ini.” Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, patik ini hamba yang hina”.

(Kassim Ahmad, 1997: 402)

Contoh 2: Gelaran Tanda hormat yang diberikan oleh Hang Tuah kepada Phra Cau (Pemerintah Benua Siam)

Setelah sudah maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya Tuanku Syah Alam, ada suatu patik hendak persembahkan. Adapun pada penglihatan patik, Phra Cau raja besar, rakyat pun banyak...

(Kassim Ahmad, 1997: 440)

Gelaran tanda hormat yang digunakan oleh Hang Tuah untuk menggantikan nama diri bagi kedua-dua pemerintah kerajaan berkenaan ialah ‘Tuanku’ dan ‘Tuanku Syah Alam.’ Begitu juga dengan Tun Perpatih Putih yang telah menyapa raja China dengan gelaran ‘Tuanku.’ Manakala Seri Bija Pikrama menggelar raja Mengkasar dengan gelaran ‘keraeng.’ Keraeng ialah gelaran bagi orang bangsawan (di Makassar).

Dalam konteks kajian ini, gelaran tanda hormat yang digunakan oleh para utusan berfungsi sebagai;

- a. menghargai dan menyanjung tinggi pemerintah kerajaan berkenaan,
- b. mengakrabkan hubungan,
- c. melancarkan komunikasi, dan
- d. mempromosikan adat dan budaya orang Melayu.

Fungsi di atas yang dinyatakan sebenarnya berkaitan dengan usaha kerajaan Melayu untuk menjalinkan hubungan diplomatik dan seterusnya dapat mewujudkan hubungan sosial secara berterusan. Sebagai seorang utusan Melayu yang kaya dengan adat resam, menyapa atau memanggil dengan menggunakan gelaran tanda hormat kepada pemerintah kerajaan lain merupakan suatu kemestian yang perlu dilakukan oleh mereka. Di samping itu juga, dalam masa yang sama, para utusan perlu menyesuaikan gelaran tersebut dengan pemerintah berkenaan bagi mengelakkan wujudnya rasa tidak selesa dan menyebabkan pemerintah kerajaan tersebut berasa tersinggung. Kesalahan menggunakan gelaran tanda hormat boleh menimbulkan suasana yang tegang dan tidak harmoni di antara penutur dan lawan tutur. Oleh itu, dalam hal ini, seorang utusan Melayu perlu peka dan mengambil berat tentang perkara ini.

Memberikan Jawapan Berhelah

Oleh sebab Melaka mengadakan hubungan diplomatik dengan pelbagai kerajaan yang berlainan adat dan budaya seperti kerajaan Siam, China, Majapahit, Benua Keling, dan Benua Rom, maka strategi memberi

jawapan berhelah sangat berguna bagi mengelakkan wujudnya salah faham antara kedua-dua pihak. Hang Tuah menggunakan strategi ini untuk memastikan hubungan yang ingin dijalinkan dengan kerajaan tertentu berakhir tanpa melibatkan sebarang perang; memandangkan beliau berhadapan dengan kerajaan besar seperti Majapahit, China, dan Siam yang mempunyai ego tersendiri dalam menentukan hubungan diplomatik masing-masing. Oleh demikian, Hang Tuah perlu mengatur strategi tersendiri untuk menyakinkan kuasa besar tersebut tentang niat diplomatik Melaka tanpa perlu menjatuhkan martabat kerajaan Melaka dengan menjadikan kerajaan tersebut sebagai negeri naungan kepada Melaka. Hang Tuah sedaya mampu akan terus memperjuangkan dan melindungi nama baik sultan, bangsa, dan kerajaan Melaka. Apabila difikirkan, situasi ini memang rumit namun disebabkan keistimewaan yang ada pada Hang Tuah, beliau mampu menghadapinya. Menurut Haron Daud (2010: 54), Hang Tuah ialah seorang yang berilmu, perkasa, berani, cekap, tidak mementingkan diri dan setia. Dalam *Sejarah Melayu*, pengarangnya mencerminkan watak Hang Tuah sebagai seorang yang gagah perkasa, bijak, pintar, tajam fikiran, jauh pandangan dan banyak muslihat sebagai seorang pahlawan di dalam menewaskan musuhnya (Mohd Jamil Mukmin, 2010:112). Dengan ciri keperibadian sebegini, Hang Tuah mampu menghadapi pelbagai cabaran semasa beliau berada di negara asing.

Semasa Hang Tuah dihantar ke Benua Siam oleh raja Melaka untuk membeli empat ekor gajah jantan dan dua ekor gajah betina (Kassim Ahmad, 1997:435), Hang Tuah telah berhadapan dengan isu fahaman budaya. Beliau telah disambut mesra oleh Syahbandar Siam. Dalam pada itu, Syahbandar Siam telah mengemukakan beberapa syarat budaya yang perlu diikuti oleh Hang Tuah sebelum rombongan Melaka mengadap raja Siam. Syarat pertama ialah Hang Tuah diarahkan mengadap seorang diri tanpa perlu membawa pengiringnya dan syarat kedua; Hang Tuah perlu merangkak sambil menyembah di hadapan raja Siam semasa mengadap baginda. Hal tersebut seperti petikan di bawah;

...maka kata Syahbandar, “Adapun hamba datang ini disuruhkan Oya Bagelang mengajar perintah mengadap Phra Cau, kerana perintah Siam lain, Melayu lain. Pertama, masuk ke dalam itu dengan seorang dirinya, tiada boleh masuk dengan budak-budak. Apabila sampai ke hadapan raja, merangkak sambil menyembah.

(Kassim Ahmad, 1997:436)

Apabila mendengar sahaja syarat budaya daripada pihak Siam itu, sebenarnya Hang Tuah tidak menyetujui dan tidak menyukai cara budaya tersebut. Namun beliau tetap menghormatinya. Budaya sesebuah kaum ialah suatu isu yang sensitif untuk dibicarakan. Keengganan Hang Tuah menurut cara demikian sudah pasti akan menyebabkan berlakunya perselisihan faham dan seterusnya membawa Melaka ke medan perperangan. Seandainya berlakunya perperangan bermakna Hang Tuah gagal melaksanakan misi diplomatiknya dan seterusnya mengecewakan hati rajanya. Justeru, Hang Tuah berpendapat bahawa perkara ini perlu ditangani dengan memberikan jawapan berhelah tanpa menyinggung perasaan raja Siam dan pada masa yang sama tidak menjatuhkan maruah raja, bangsa dan kerajaan Melaka. Di sinilah minda Hang Tuah sebagai intelektual Melayu diuji.

Demi penyesuaian dengan budaya Melayu, Hang Tuah mendepani cabaran ini dengan keadaan yang tenang. Beliau memberikan jawapan berhelah yang kukuh dan rasional dalam menjawab syarat tersebut. Misalnya;

Maka kata Laksamana, “Yang syahbandar mengingatkan hamba itu benarlah sudah. Adapun akan hamba segala Melayu ini umpama perahu;adapun perahu itu, apabila tiada terkemudi, nescaya tiadalah betul haluannya. Dan seperkara pula, tiada dapat hamba merangkak, kerana ada penyakit pada tubuh hamba ini. Jika ada kasih syahbandar, persesembahkan ke bawah Duli Oya Bagelang, minta persesembahkan ke bawah Duli Phra Cau”.

(Kassim Ahmad:436-37)

Terdapat dua jawapan berhelah yang telah diberikan oleh Hang Tuah berdasarkan petikan di atas. Pertama, *Adapun akan hamba segala Melayu ini umpama perahu;adapun perahu itu, apabila tiada terkemudi, nescaya tiadalah betul haluannya*. Secara tersuratnya, Hang Tuah menyakinkan pihak Siam bahawa sudah menjadi adat orang Melayu, setiap kumpulan perlu mempunyai seorang pemimpin yang bertanggungjawab untuk memimpin kumpulannya. Tanpa kehadiran seorang ketua, akan berlaku kucar-kacir dan porak-peranda dalam kumpulan tersebut. Dalam sistem politik Islam, ia tidak menghendaki

terjadinya kekacauan dan tidak membiarkan umat Islam hidup tanpa pemimpin (Omardin Ashaari, 2008:79). Oleh itu, Hang Tuah sebagai pemimpin enggan mengadap raja Siam secara bersendirian bagi mengelakkan pengiringnya ‘berpergian dengan tidak berketentuan hala tujuanya’.

Berhubungan dengan perkara di atas, secara tersiratnya, keengganan Hang Tuah meninggalkan pengiringnya ada kaitannya dengan ilmu firasat yang dipelajarinya. Menerusi ilmu firasat yang dipelajari oleh Hang Tuah, beliau dapat meramalkan berlakunya sesuatu malapetaka kepada rombongannya seperti penculikan, pembunuhan dan kekacauan sekiranya beliau meninggalkan pengiringnya. Untuk mengelakkan malapetaka tersebut daripada berlaku, Hang Tuah sebagai pemimpin kepada rombongan Melaka telah mengambil jalan selamat dengan membawa kesemua pengiringnya mengadap raja Siam. Oleh demikian, konsentrasi Hang Tuah semasa berurusan dengan raja Siam tidak akan terganggu dan keinginan raja Melaka untuk membeli gajah akan terlaksana. Sikap kepemimpinan Hang Tuah ini sangat bersesuaian dengan pendapat Abdul Latif Abu Bakar (2001:160) yang menyatakan bahawa seseorang pemimpin harus mempunyai keterampilan diri dan memiliki ciri kepemimpinan, iaitu perlu peka, cepat bertindak, menjadi pendamai, berupaya mengurus, cergas, dan faham budaya yang didukung oleh masyarakat yang dipimpinnya. Ciri kepemimpinan yang ada pada Hang Tuah itulah yang telah membawa hasil kejayaan kepada rombongan Melaka.

Selanjutnya, ungkapan *tiada dapat hamba merangkak, kerana ada penyakit pada tubuh hamba ini* merupakan jawapan berhelah yang seterusnya. Alasan yang diberikan oleh Hang Tuah terhadap wakil kerajaan Siam itu sangat konkret dan boleh diterima akal. Sebagaimana khalayak pembaca ketahui, ketaatan dan kesetiaan Hang Tuah hanya untuk raja Melaka sahaja. Sikap tersebut acapkali dimanifestasikan di setiap tempat yang dilawatinya dan membuktikan bahawa Hang Tuah merupakan seorang yang berprinsip. Hang Tuah sentiasa mengungkapkan kata-kata ‘*Si Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si Tuah tiada mahu derhaka kepada tuannya*’ (Kassim Ahmad, 1997:326). Oleh itu, keengganan Hang Tuah mengadap raja Siam dengan cara sedemikian ada kaitannya dengan prinsip dirinya seperti yang selalu diungkapkannya. Di samping itu, tindakan Hang Tuah itu ialah suatu perbuatan yang tidak mengakui kedaulatan Siam melebihi kedaulatan kerajaan Melaka. Sebenarnya, Siam sudah lama menyimpan impian untuk menguasai Melaka (Muhd Yusof Ibrahim, 2009:58). Sehubungan itu, Hang Tuah secara berkias menafikan hajat Siam itu dengan alasan yang cukup kukuh dan seterusnya menyampaikan

mesej bahawa orang Melayu tidak mudah tunduk kepada raja lain dan sentiasa berpegang kepada prinsip diri.

Dengan melihat kepada kepintaran dan ketegasan prinsip yang dipegang oleh Hang Tuah itu, raja Siam dapat merasakan bahawa utusan Melaka itu bukan calang-calang orangnya. Akhirnya, baginda akur dan membenarkan rombongan tersebut mengadapnya dengan adat Melayu.

Maka titah Phra Cau, “Biarlah ia berjalan dan berkeris seperti adat raja Melaka ia mengadap itu”.

(Kassim Ahmad, 1997:437)

Hang Tuah menyembahkan maksud utusan raja Melaka adalah untuk membeli gajah dan Phra Cau (raja Siam) gembira dan bersetuju menjualkan gajah yang diinginkan. Pembelian Gajah tunggangan ini telah membantu mengeratkan lagi hubungan Melaka dengan Siam.


Peristiwa di atas sangat menarik kerana Hang Tuah dapat menyelesaikan sesuatu perkara tanpa melibatkan perselisihan faham. Perbezaan budaya sekiranya tidak diatasi dengan kebijaksanaan yang rasional akan menyebabkan berlaku perperangan. Menurut Bazrul Bahaman (2003: 198) berfikir secara rasional merupakan budaya yang telah muncul di Melaka dan menggerakkan Melaka terbuka kepada pihak luar. Sementara itu, M.Khalid Taib (1993:21) juga memuji Hang Tuah kerana kepintaran berfikir dan mencari akal untuk mengatasi sesuatu masalah yang rumit.

Selain itu juga, kecekapan berfikir Hang Tuah dalam mendapatkan idea dan membuat keputusan yang tepat untuk memperolehi tindakan yang sewajarnya bagi mempertahankan maruah diri, kerajaan dan raja Melaka sangat dikagumi. Menurut Sulastin Sutrisno (1983:342), setiap tugas yang dibebankan kepada Hang Tuah, yang tidak dapat dilaksanakan oleh orang lain, Hang Tuah mampu mengerjakannya dengan baik dan tuntas. Hal ini membuktikan keintelektualan yang dimiliki oleh Hang Tuah di luar jangkaan sesiapapun. Keintelektualan Hang Tuah itu juga turut diperakui oleh maharaja China semasa Hang Tuah menjadi utusan Benua Keling ke China;

...Maka titah raja, “Hai Bentaraku, jangan ia engkau penggal. Ialah orang bijaksana yang hendak berbuat kebaktian kepada tuannya. Sukar mencari hamba dan hulubalang seperti Laksamana ini”.

(Kassim Ahmad, 1997: 413)

Strategi-strategi diplomatik yang telah dibincangkan ini telah memberi impak yang besar kepada kerajaan Melayu khususnya pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu. Antaranya, a) menonjolkan kualiti keperibadian seorang utusan Melayu yang kaya dengan adab sopan serta mempunyai daya intelektual dan menjadi perancang diplomatik terbaik, b) menguasai bahasa asing selain bahasa ibunda adalah sangat penting. Ia memudahkan bual bicara berlaku dengan pemerintah kerajaan lain. Interaksi dan komunikasi tersebut akan membentuk persekitaran selesa dan mampu menghilangkan rasa prasangka dan dendam serta benci yang terpendam dan c) perbezaan fahaman budaya dapat diatasi dengan memberikan jawapan yang tersirat dan sentiasa bertoleransi antara satu sama lain. Dalam hal ini, strategi dan kaedah pengendalian yang dibincangkan sememangnya bertepatan dan bersesuaian dengan pendekatan interaksi, iaitu mengutamakan hubungan dalam interaksi. Rajah 1 di bawah menunjukkan ringkasan tentang strategi diplomatik yang digunakan oleh Utusan Melayu dalam menjalankan hubungan antara kerajaan pada zaman kesultanan Melayu.



Rajah 1 Strategi Diplomatik oleh Utusan Melayu

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kesemua contoh peristiwa di atas membuktikan bahawa pemilihan dan penghantaran utusan yang tepat dan berwibawa

merupakan salah satu strategi diplomatik Melayu yang sangat berkesan. Seorang utusan yang menjadi pilihan raja dan pembesar Melayu mestilah mempunyai pemikiran yang kreatif, imaginatif, berkepemimpinan, beretika, berilmu, rasional, mempunyai jati diri serta tingkah laku yang baik untuk mewakili baginda dan kerajaannya bagi menjalankan hubungan diplomatik dengan kerajaan serantau. Penetapan kriteria tersebut sangat penting sebagai persediaan untuk memastikan setiap jalinan hubungan diplomatik kerajaan Melayu dengan kerajaan lain berakhir dengan kejayaan.

Perbincangan tentang ciri ketokohan Hang Tuah semasa beliau berada di negara asing dalam menjalankan misi diplomatik kerajaannya menunjukkan kepada pembaca bahawa Hang Tuah telah menepati beberapa ciri seorang diplomat yang baik mengikut ukuran naskhah *Siyar al-Muluk*, *Nasihat al-Muluk*, *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Ciri ketokohan Hang Tuah dan utusan lain yang disebutkan sebelum ini yang menepati ciri seorang utusan yang dinyatakan dalam keempat naskhah tersebut ialah;

- a. mempunyai paras rupa yang menarik;
- b. mempunyai akhlak yang baik;
- c. pandai dan fasih dalam berkata-kata;
- d. mempunyai akal yang tajam (bijaksana);
- e. mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang (misalnya, ilmu bahasa, ilmu kependekaran, ilmu agama dan ilmu politik); dan
- f. amanah dalam melaksanakan tugas yang diberikan, dan sentiasa berani dalam melakukan perintah raja.

RUJUKAN

- Abdul Latif Abu Bakar. (2001). *Dunia Melayu dunia Islam: Kesatuan dan perpaduan*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Abu Hassan Sham. (1980). *Diskusi peristiwa-peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Ahmad Samin Siregar. (2010). Hang Tuah Dari Sudut Pandangan Indonesia, Wira Melayu Yang Berwibawa. Dalam Mohd Yusoff Hashim (Penyl.), *Hang Tuah wira Melayu*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

- Annabel Teh Gallop. (1994). *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bazrul bin Bahaman. (2003). *Peranan kebudayaan Melayu dalam sejarah*. Dalam kumpulan Makalah Seminar Budaya Melayu Sedunia. Riau: Panitia Bidang Seminar Festival Budaya Melayu Sedunia dan Pemerintah Propinsi Riau.
- Ding Choo Ming. (2009). *Kuasa dalam sastera Melayu lama*. Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Kekuasaan Dalam Sastera Melayu Nusantara. Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 25-26 Julai.
- Haron Daud. (2010). Hang Tuah Pejuang Bangsa Melayu. Dalam Mohd Yusoff Hashim (Penyl.), *Hang Tuah Wira Melayu*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Hassan Ahmad. (2005). Minda Melayu dalam Kesuasteraan Melayu Tradisional. Dalam Anwar Ridhwan (Penyl.), *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran adab ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2005). Minda Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu: Keharmonian Hubungan Pemerintah dengan Rakyat. Dalam Anwar Ridhwan (Penyl.), *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2009) *Bustan al-Salatin: A Malay mirror for rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kassim Ahmad (Penyl.). (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Khalid M. Hussain (Penyl.). (1992). *Taj us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liang Liji. (1996). *Lembaran sejarah gemilang: Hubungan empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lokman Abdul Samad. (2001). *Hikayat Hang Tuah: Suatu pembicaraan karya agung dari pelbagai aspek*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2, 71-90.
- Mohd Khalid Taib. (1993). Konsep dan Kedudukan Wira dalam Teks Melayu Terpilih: Satu Tinjauan dari Sudut Etika Sezaman dan Universal. Dalam Siti Aisyah Murad (Penyl.), *Konsep wira dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim. (2009). *Tun Perak pencetus wawasan Empayar Melaka*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers.

- Noriah Mohamad. (1997). Pengenalan Tambahan dalam *Hikayat Hang Tuah* (Edisi Karya Agung.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2010). Hang Tuah Keunggulan Peribadi Melayu. Dalam Mohd Yusoff Hashim (Penyl.), *Hang Tuah Wira Melayu*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Omardin Ashaari. (2008). *Sistem politik dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Sulastin Sutrino. (1983). *Hikayat Hang Tuah: Analisa struktur dan fungsi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Zainal Abidin Borhan. (2010). Peranan Hang Tuah dalam Memartabatkan Bahasa Melayu. Dalam Mohd Yusoff Hashim (Penyl.), *Hang Tuah Wira Melayu*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

